

22 APR 2001

Sukan-LTdL (Status)

LTdL MUNGKIN DINAIKKAN STATUS 2.2 TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- First Cartel (M) Sdn Bhd, penganjur perlumbaan Le Tour de Langkawi (LTdL) akan mengemukakan permohonan kepada Kesatuan Lumba Basikal Antarabangsa (UCI) untuk menaikkan status jelajah itu dari 2.3 kepada 2.2 tahun depan yang akan memberi ruang penyertaan kepada lebih banyak pasukan profesional.

Walaupun pada mulanya First Cartel bercadang mengekalkan perlumbaan itu pada status 2.3 untuk saingan 2002, pengerusi eksekutifnya Datuk Wan Lokman Wan Ibrahim berkata harapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan desakan beberapa pihak supaya jelajah itu menjadi lebih besar membuatkan mereka mengubah pendirian.

Dengan status 2.2, penganjur boleh menjemput 80 peratus pasukan profesional manakala status 2.3 hanya membolehkan 75 peratus penyertaan profesional.

"Perdana Menteri juga mahukan perlumbaan ini menjadi lebih besar dan berlainan daripada perlumbaan lain. Kita akan cuba mendapatkan status 2.2 dan sekiranya berjaya, kita akan kekal untuk tempoh lebih lama."

"Laporan lisan daripada komisar juga baik...maka tiada sebab untuk kita tidak mendapatkan status yang lebih tinggi. Sebab, UCI akan lebih "selective" untuk memberi status 2.1," katanya selepas majlis penghargaan kepada penaja dan sukarelawan yang terlibat dalam penganjuran kejohanan lumba basikal Le Tour de Langkawi 2001 di sini, hari ini.

Terdahulu, Dr Mahathir yang juga penaung LTdL, menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil-wakil penaja dan sukarelawan yang terlibat dalam perlumbaan 2001 yang berlangsung dari 6 hingga 18 Feb lepas.

Perlumbaan LTdL, yang pertama kalinya diperkenalkan pada tahun 1996, baru dinaikkan ke status 2.3 tahun ini.

Katanya, laporan komisar perlumbaan yang sentiasa meningkat daripada setahun ke setahun sejak perlumbaan itu diperkenalkan pada tahun 1996 juga memberi keyakinan kepada mereka untuk menaikkan taraf perlumbaan itu.

"Pada tahun 1998, LTdL diberi markah 91 peratus, 1999 - 92.8 peratus dan tahun 2000 - 95.33 peratus. Jadi saya berpendapat, perlumbaan LTdL 2001 tidak akan kurang daripada 95.33 peratus," katanya.

Sementara itu, Wan Lokman berkata pihaknya akan mengemukakan permohonan menaikkan taraf perlumbaan itu kepada Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) secepat mungkin bagi mendapatkan sokongan.

"Kita mempunyai tempoh sehingga hujung bulan depan. Kita akan hantar permohonan kepada PKBM dan akan dapatkan sokongan daripada Gabungan Lumba Basikal Asia (ACC), yang akan mengemukakan kepada UCI," katanya.

Wan Lokman berkata dengan status 2.2, perlumbaan itu akan menyaksikan penurunan penyertaan pasukan kebangsaan daripada 25 peratus kepada 20 peratus manakala selebihnya terdiri daripada pasukan profesional bahagian satu dan dua (trade team one and trade team two).

"Kita akan cuba kekalkan seramai 175 pelumba untuk LTdL 2002. Bagaimanapun jumlah pasukan, belum diputuskan lagi," katanya.

Dalam pada itu, Wan Lokman berkata format dan jumlah hari perlumbaan untuk saingan tahun depan akan ada dibuat perubahan selaras dengan peraturan baru oleh UCI.

"UCI mahu, setiap "national races" dihadkan kepada tujuh hari di Eropah dan perlumbaan biasa lima hari. Tetapi, memandangkan LTdL diadakan luar dari Eropah, mereka memberi kelonggaran dan kita diberi 10 hari perlumbaan dan satu hari rehat.

"Kita juga tidak dibenarkan mengadakan perlumbaan prolog dan sebagainya seperti tahun-tahun lepas. Ia perlumbaan penuh 10 hari. Berbeza dengan tiga perlumbaan utama dunia, Tour de France, Giro de Italia dan Tour of Spain," katanya.

Wan Lokman berkata pihaknya telah menetapkan perlumbaan 2002 dari 7 hingga 17 Februari melibatkan 10 hari perlumbaan dan satu hari rehat.

"Ia perlumbaan yang padat (10 hari). Kita kena menyusun laluan dengan berhati-hati. Bagaimanapun, Ujian Masa Individu dan perlumbaan Criterium pada hari akhir kejohanan akan akan dikekalkan," kata Wan Lokman.

-- BERNAMA

ERE NZ MOZ